

09 AUG 2003

Dompok-Upko/I

DOMPOK: TERIMA KASIH KEPADA PM KERANA KATA-KATA PUJIAN KEPADA UPKO

KOTA KINABALU, 9 Ogos (Bernama) -- Pertubuhan PasokmomoGun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kata-kata pujian dan pengesahan beliau terhadap perjuangan parti itu sejak sembilan tahun lepas.

Presidennya Tan Sri Bernard Dompok berkata, kata-kata Dr Mahathir memberikan motivasi kepada parti itu untuk terus berjuang bagi masyarakat Kadazandusun dan Murut.

"YAB Perdana Menteri semalam, telah memberikan ucapan mengenai peranan parti Upko. Saya begitu puas hati kerana kita telah diiktiraf sebagai parti yang mewakili masyarakat rumpun Paskomomogun (Kadazandusun dan Murut).

"Syabas, tahniah dan terima kasih kepada anggota parti yang selama ini memberikan kepercayaan kepada kepimpinan parti," kata beliau menggulung ucapannya di akhir kongres dua hari parti itu di Penampang, dekat sini, hari ini.

Ketika merasmikan kongres itu semalam, Dr Mahathir berkata Barisan Nasional (BN) mahukan Upko diwakili pada Kabinet Persekutuan.

"Ini bermakna kita mesti memastikan kemenangan (Dompok) dalam pilihan raya. Kita tidak boleh berharap jadi senator, kita mahu pemimpin yang dipilih rakyat supaya boleh berkhidmat lebih lama," kata Dr Mahathir.

Dompok berkata, bukan mudah pemimpin parti itu menubuhkan parti berkenaan pada mulanya kerana memikirkan bagaimana sambutan rakyat terhadapnya.

"Sekarang ini terbukti bahawa sebenarnya rakyat telah menerima perjuangan kita. Parti menjadi semakin kuat...parti ini berdisiplin," katanya.

Dompok juga menggesa anggota parti mengikut jejak Perdana Menteri dalam usaha beliau memartabatkan bangsa dan negara.

-- BERNAMA

JS BK